



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 OKTOBER 2021 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

Oleh Suliati Asri,
 Suraya Roslan dan
 Marry Victoria Dass
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kenaikan harga ayam dan telur ayam nyata memberi impak kepada pengguna terutama dalam keadaan ramai rakyat bergelut dengan masalah kewangan ekoran pandemik Covid-19.

Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau harga barangan keperluan termasuk ayam dan telur ayam bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, kenaikan harga ayam adalah disebabkan pelbagai punca dan antara faktor utama adalah disebabkan berlakunya kenaikan harga makanan ayam (dedak) yang bahan utamanya diimport dari luar negara.

Menurutnya, peningkatan harga yang ketara untuk penghasilan makanan ayam membabitkan dua bahan utama iaitu jagung dan soya antara punca yang menyebabkan peningkatan kos pengeluaran makanan ayam yang turut menyumbang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

"Langkah kerajaan membuka lebih banyak sektor eko-

BUKAN FAKTOR ORANG TENGAH

Pemantauan KPDNHEP mendapati kenaikan harga dedak jadi antara punca utama kenaikan harga ayam di pasaran



Hasil daripada pemantauan yang dilakukan, pihak kementerian mengenal pasti bahawa harga ayam dan telur ayam ini bukanlah dikawal oleh rantaian tertentu"

Azman Adam



nomi di mana kebanyakan negeri sudah beralih ke Fasa 2, 3 dan 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) meningkatkan lagi permintaan ayam sedangkan pengeluaran ayam mengambil masa sekitar 32 hari sebelum ia boleh dipasarkan," katanya.

Mengulas mengenai kenaikan harga ayam dan telur ayam juga dikatakan dikawal oleh pemborong sebagai

orang tengah, Azman berkata, perkara itu tidak benar.

Menurutnya, KPDNHEP sudah menjalankan pemantauan dan sesi libat urus ke atas setiap rantaian pengeluaran ayam dan telur ayam bermula peringkat pengeluar/peladang sehinggalah ke peringkat peruncit.

"Pemantauan ke atas semua rantaian pengeluaran ini amat penting supaya pihak kementerian dapat mengenal pasti punca dan situasi sebenar yang berlaku pada setiap rantaian pengeluaran ini dan akhirnya mencari pendekatan terbaik untuk pihak kementerian menangani isu kenaikan harga ayam dan telur ayam ini.

"Hasil daripada pemantauan yang dilakukan, pihak kementerian mengenal pasti

bahawa harga ayam dan telur ayam ini bukanlah dikawal oleh rantaian tertentu," katanya.

Azman berkata, KPDNHEP akan terus komited di dalam usaha menangani isu kenaikan harga ayam dan telur ayam ini supaya pengguna tidak terbebankhususnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan semasa program PPN.

"Dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini, kita dapat lihat harga ayam dan telur ayam semakin menurun dan trend penurunan harga bagi barangan ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan hasil usaha yang diambil pihak kementerian.

"Justeru, pengguna disarankan supaya bijak di dalam menguruskan perbelanjaan lebih-lebih lagi ketika tempoh yang sukar ini.

"Gunakan kuasa sebagai pengguna dan pilihlah peniaga yang beretika serta jujur di dalam menjalankan perniagaan. Dapatkan maklumat yang sesuai dan berbelanjalah di tempat yang menawarkan harga lebih berpatutan," katanya.

Pengguna yang mempunyai maklumat berkaitan salah laku oleh peniaga, aduan boleh di salurkan kepada KPDNHEP melalui beberapa cara iaitu portal e-aduan.kpdnhep, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP dan pusat Pusat Arahkan Penguatkuasaan (ECC) ditalian 03-8882 6088/6245 serta WhatsApp 019-279 4317.



PENINGKATAN kos pengeluaran makanan ayam menjadi petyawandang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

Harga barangan keperluan sentiasa dipantau

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau harga barangan keperluan bagi mengatasi isu kenaikan harga ayam dan telur ayam.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, langkah berkenaan termasuklah mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar, penternak, pedagang ayam dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

KPDNHEP juga kata Azman mengeluarkan Surat Pemberitahuan kepada setiap rantaian peniaga ayam seperti penternak, pemborong dan peruncit untuk membuat semakan harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin keuntungan lebih munasabah.

"Mengeluarkan Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 kepada pengeluar, pemborong dan peruncit ayam yang masih tidak membuat se-

makan harga bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung dengan jualan dan belian item diperiksa dan membuat pengesanan awal sekiranya wujud sebarang elemen mencatut.

"Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat harga dan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga dari mana-mana peringkat rantaian pengedaran secara sewenang-wenangnya," katanya.

Selain itu menurut Azman, pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh oleh Pegawai Penguat Kuasa di semua peringkat rantaian bekalan ayam di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 melalui penguatkuasaan Ops Catut 8.0 (Pengeluar, Pemborong & Peruncit Ayam) dilakukan bagi mengatasi isu ini.

"Dengan itu, peniaga diberi amaran supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga

ayam di setiap peringkat rantaian pengedaran secara sewenang-wenangnya.

"Peniaga yang dikesan mengambil kesempatan menaikkan harga ayam tanpa mematuhi perundangan Antipencatutan akan diambil tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

"Sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan/syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP juga melaksanakan pemeriksaan di peringkat pengeluar makanan ternakan ayam bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan belian bahan-bahan utama pengeluaran makanan ternakan ayam dan mengesan sama ada berlaku aktiviti peningkatan pada kos pengeluaran makanan tersebut serta mengesan aktiviti mencatut.

Akhir sekali, langkah diambil KPDNHEP bagi menangani isu ini ialah dengan mewujudkan Pasukan Petugas Khas bagi menangani isu kenaikan harga ayam di pa-

saran secara terus di kawasan yang terbabit dengan aduan kenaikan harga.

Menurut Azman, sehingga 5 Oktober lalu, sebanyak 268 premis sudah diperiksa di seluruh negara membabitkan 38 premis di peringkat penternak/pengeluar/pengilang, 78 premis di peringkat pemborong manakala 152 premis di peringkat peruncit.

"Dalam tempoh sama, sebanyak 924 Surat Pemberitahuan kepada peniaga sudah dikeluarkan ke atas setiap rantaian pengedaran ayam dan telur ayam sepanjang Ops Catut 8.0 ini bagi memastikan harga ayam dan telur ayam dapat distabilkan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 643 peniaga sudah menurunkan harga jualan ayam mereka.

"Sebanyak 262 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) juga sudah dikeluarkan kepada peniaga yang masih tidak membuat semakan harga untuk mendapatkan maklumat kos dan belian barangan lebih terperinci bagi menyiasat sama ada peniaga ini ada mengambil keuntungan secara-tidak munasabah atau mencatut," katanya.

"Peniaga diberi amaran supaya tidak mengambil kesempatan"
Azman



KITARAN PENTERNAKAN INTEGRASI



*Dalam proses pembesaran, seekor ayam memerlukan sekurang-kurangnya 2.87kg makanan untuk mendapatkan berat 1.98kg dalam masa 32-35

Jagung dan Soya diimport dari luar negara di harga ditentukan oleh pasaran komoditi & bergantung kepada permintaan dan bekalan




TELUR ayam turut mencatatkan peningkatan harga jualan.

AYAM DAGING



gaya hari
nama jenis



Johor Bharu: Pasar raya yang menjual ayam dan telur ayam pada harga berpatutan menjadi pilihan penduduk terutama golongan berpendapatan sederhana.

Peniaga makanan, Justina Albani, 42, berkata harga ayam yang melambung sejak sebulan lalu hingga mencecah RM10 sekilogram membebani penduduk mahupun peniaga.

Menurutnya, segelintir peniaga memberi alasan punca kenaikan harga ayam adalah disebabkan pengurangan bekalan ayam.

"Pengusaha restoran, kedai makan dan katering terpaksa berniaga dalam keadaan tertekan apabila harga ayam di pasaran naik secara mendadak dalam tempoh sebulan berikutan sebelum ini ia boleh didapati pada harga RM5.80 sekilogram.

"Namun harga ayam di pasar raya jauh lebih rendah berbanding sesetengah pasar awam hingga ia menjadi pi-

Lebih gemar beli di pasar raya berbanding pasar awam

lihan ramai terutama peniaga seperti kami," katanya ketika ditemui.

Penduduk, Sade Karle, 56, berkata penjimatan antara RM1 hingga RM2 amat bermakna bagi penduduk berpendapatan sederhana dan rendah hingga lebih gemar membeli ayam di pasar raya berbanding di pasar awam.

Menurutnya, kualiti ayam di pasar raya juga menyamai di pasar awam.

"Baru-baru ini saya mengunjungi pasar awam bagi membeli ayam dan terkilan mendapati harga sekilogram ayam mencecah lebih RM9.

"Bagaimanapun harga di pasar raya adalah lebih murah dan jimat," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Hasmah Ghazalli, 60, berkata selain pasar



awam, berlaku kenaikan harga ayam secara mendadak di kedai runcit.

Menurutnya, dengan keadaan ekonomi tidak stabil, kenaikan harga ayam membebani penduduk terutama golongan kurang berkemampuan.

Sementara itu, Pengurus Besar Pasaraya Econsave Cash And Carry, Mas Imran Adam berkata, bekalan ayam di pasar raya berkenaan di seluruh negara masih mencukupi dan ia dijual pada har-

ga berpatutan.

Menurutnya, harga semasa sekilogram ayam adalah RM8.50 dan pihaknya memastikan harga ayam ditawarkan lebih rendah berbanding pesaing.

"Mungkin kenaikan harga ayam berpunca daripada permintaan yang meningkat berikutan kebanyakan sektor sudah beroperasi semula.

"Kami akan memeriksa harga ayam dua hingga tiga hari sekali dan kebanyakan pengunjung berpuas hati dengan harga ditawarkan dan menyatakan ia lebih rendah berbanding di luar.

"Selain harga ayam, kami juga mengambil kira aspek kualiti dan kebersihan kesemua barangan dijual termasuk barang basah," katanya ketika ditemui.

Peniaga dapat harga tinggi daripada pembekal

Shah Alam: Harga dedak yang meningkat secara mendadak dipercayai antara punca kenaikan harga ayam dalam pasaran.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Moden Seksyen 16 di sini mendapati ayam dijual pada harga RM9.50 sekilogram berbanding RM10 sekilogram tiga minggu lalu.

Peniaga ayam dikenali sebagai Mat, 30-an berkata, pihaknya dimaklumkan pembekal harga ayam naik disebabkan harga dedak meningkat.

"Kami terpaksa menaikkan harga ayam kerana memper-

oleh harga mahal daripada pembekal," katanya.

Selain itu, tinjauan di Pasar Chow Kit mendapati ayam mentah dijual sekitar RM9.50 sehingga RM10 sekilogram.

Seorang peniaga ayam enggan dikenali berkata, kebanyakan peniaga menjual dengan harga RM9.50 dan RM10 sekilogram.

"Bukan sahaja pengguna, kami juga tertekan dan terhimpit apabila harga ayam

semakin meningkat seperti sekarang.

"Jika pengguna faham dan memahami situasi peniaga tiada masalah dan terpulang kepada mereka sama ada ingin membeli atau sebaliknya," katanya.

Menurutnya, dia berniaga ayam segar sejak 10 tahun lalu dan memang terbiasa dengan fenomena turun naik harga ayam.

Selain itu, tinjauan Harian Metro di beberapa

pasaraya sekitar Bangsar dan Kuchai Lama mendapati ayam dijual dengan harga RM8.65 dan RM8.79 sekilogram.

Seorang pengguna, Amin Ishak, 65, berkata, dia biasanya membeli ayam di pasar raya kerana harga lebih murah berbanding di pasar basah.

"Sebagai pengguna, saya sudah membandingkan beberapa harga antara pasar raya dan pasar basah.

"Ternyata, harga ayam di pasar raya lebih murah dan menjadi pilihan pengguna," katanya.

Peniaga tertekan dan terhimpit apabila harga ayam naik



REBANYAKAN peniaga menjual ayam dengan harga RM9.50 dan RM10 sekilogram.

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
 anbia@hmetro.com.my

Shah Alam

Buat amal tapi seleweng!

Suspek pernah dicekup seleweng minyak masak bersubsidi ditahan sekali lagi

Terbabit dengan kerja amal kebajikan namun pada masa sama turut dikesan melakukan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi pekot satu kilogram (kg).

Suspek lelaki berusia 50-an itu antara individu diasias Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas didapati melakukan jenayah itu di kilang tersebunyi di Rawang, Gombak.

Sumber berkata, suspek dikesan mengupah lapan lelaki Rohingya dan Thailand menjalankan aktiviti memotong pekot minyak masak subsidi 1kg sebelum dikumpul dalam tangki khas.

"Suspek sebelum ini pernah diambil tindakan kerana melakukan kesalahan sama di Klang, Selangor tahun lalu. Namun dia tidak serik dan berpindah lokasi ke Rawang.

"Hasil operasi pada jam 11.30 pagi itu, 36 unit tangki fiber berkapasiti 1,000 liter dan 31 tan minyak masak



NILAI keseluruhan rampasan di sebuah kilang di Rawang dianggarkan bernilai RM87,300.

disita dengan nilai rampasan dianggarkan RM87,300," katanya.

Menurutnya, kejayaan membongkar kegiatan itu hasil maklumat anggota Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya yang aktif membuat intipan di lapangan.

"Sindiket dikesan menjadikan kawasan kilang usang dan tersorok sebagai markas

aktiviti. Malah, lima kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di sekitar premis bagi mengesan kehadiran pihak berkuasa.

"Pihak KPDNHEP mendapati sindiket beroperasi hampir dua bulan lalu dengan mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi pekot 1kg daripada beberapa pemborong berlesen di se-

kitar Lembah Klang.

"Minyak masak bersubsidi pekot 1 kg ini dilelai dan dikumpulkan dalam tangki fiber berkapasiti 1,000 liter untuk dipasarkan dengan harga bukan subsidi.

Sementara itu Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam mengesahkan rampasan itu dan kes diasias mengikut Seksyen 21,



SEBANYAK 36 tangki fiber dirampas dalam serbuan di sebuah kilang tersebunyi di Rawang, Gombak.

Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan minyak masak dalam keadaan menimbulkan syak munasabah.

Katanya, kesalahan dilakukan melanggar peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan minyak masak membabitkan urusan secara borong atau runcit tanpa lesen sah.

Terdahulu, KPDNHEP mengambil tindakan terhadap dua stor iaitu di Taman Equine dan Pulau Indah, Selangor pada bulan Julai dan Ogos 2021 lalu selain menyita 26,104kg minyak masak bernilai RM84,587.

Kedua-dua premis didapati menjalankan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dengan modus operandi sama.

Complaints channel set up on food delivery firms

KUALA BERANG: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has set up a channel for traders and consumers to submit complaints on food delivery services. Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said complaints could be sent to adu.khidmatpenghantar-makanan@kpdnhep.gov.my for action to be taken by the ministry. He said last year, the ministry received 1,903 complaints on food delivery company Foodpanda and 946 complaints from January to August this year. "In 2020, the ministry received 30 complaints on GrabFood and 43 from January to August this year," he said after the launch of Jualan Koperasi Prihatin Rakyat in Felda Bukit Bading here. He said the ministry was working to resolve issues with industry players. **Bernama**